



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang mempunyai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Sijil Taraf Bumiputera di dalam bidang kerja berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
NO. SEBUT HARGA: MPKL/JKB/SH : 1/2023 (TAWARAN SEMULA) CADANGAN KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG STRUKTUR PREFABRICATED MODULAR HOUSE DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN BANGUNAN PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT	SPKK Gred : G1 <i>Kategori : CE</i> <i>Pengkhususan : CE21</i> <i>Pembinaan Kejuruteraan Awam</i> DAN UPEN <i>Unit Perancang Ekonomi Negeri</i>	RM150.00 **Tidak akan dikembalikan	Mulai : 06/10/2023 (JUMAAT) Jam : 12.00 Tengahari PENJUALAN SECARA ONLINE SAHAJA Dokumen pelawaan boleh dimuat turun di laman sesawang https://tender.selangor.gov.my **SILA KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT DALAM LAMAN WEB https://tender.selangor.my UNTUK MELANCARKAN PROSES PEMBELIAN DOKUMEN PELAWAAN.	Tarikh Tutup: 16/10/2023 (ISNIN) Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN Majlis Perbandaran Kuala Langat Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan. **Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan

- i) Setiap dokumen sebut harga dijual dengan harga RM 150.00 secara ONLINE. Pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit kad dan wang bayaran tidak akan dikembalikan.
- ii) Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **06 OKTOBER 2023 (JUMAAT)** di Unit Perolehan dan Ukur Bahan , Majlis Perbandaran Kuala Langat, Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor.
- iii) Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara ONLINE di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebut harga dan mengemaskini maklumat pendaftaran SPKK, CIDB dan UPEN. Sekiranya gagal berbuat demikian adalah tidak layak untuk membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.
- iv) Dokumen Sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan **WAJIB** dibukukan / didokumentasikan.
- v) Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **PETI TENDER** seperti tertera di atas.
- vi) Penghantaran Dokumen Sebut harga perlu disertakan bersama **RESIT PEMBAYARAN** sebagai bukti pembelian.
- vii) Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- viii) Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Sebut harga di dalam Dokumen Sebut harga sebelum mengemukakan Dokumen Sebut harga. Jika Dokumen Sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- ix) Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- x) Tarikh tutup penjualan Dokumen sebut harga adalah pada **16 OKTOBER 2023 (ISNIN)**. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN** di Talian 03-38530303 sambungan 2503.

Disediakan oleh:


 (NOR AZIDA BINTI AZMI)
 Penolong Jurutera
 Unit Perolehan dan Ukur Bahan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disemak dan Disahkan oleh:


 (MUHAMMAD FAIZ BIN JAMBRI)
 Ketua Unit
 Unit Perolehan dan Ukur Bahan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat